

27/02/1999

Masih tidak faham: PM (HL)

Jamhariah Jaafar; Mutazar Abdul Ghani

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mentaliti orang tempatan yang menganggap kegawatan dan kemerosotan ekonomi disebabkan kesalahan sendiri, menyukarkan pemulihan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, ketika kebanyakan orang asing mula mengakui langkah kawalan ekonomi yang dilakukan Malaysia adalah bijak, masih ada rakyat negara ini yang masih menentang usaha pemulihan itu.

"Masih ada orang tempatan yang menyanyi lagu lama kononnya kegawatan dan kemerosotan ekonomi ini disebabkan kesalahan kita.

"Mentaliti seperti ini menyukarkan pemulihan ekonomi kita. Hanya yang diperlukan ialah kefahaman dan sikap yang sesuai rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan bangunan Pusat Perkembangan Industri Sekuriti dan Suruhanjaya Sekuriti di Bukit Kiara di sini, hari ini.

Dr Mahathir turut menegur rakyat tempatan yang masih memikirkan bahawa semua tindakan dan perkataan yang dilahirkan orang asing sebagai betul, manakala tindakan yang dibuat kerajaan sendiri salah.

Dengan mengambil contoh kegawatan ekonomi yang teruk melanda negara sejak Julai 1997, beliau berkata kesempatan itu digunakan oleh orang asing tertentu untuk menuduh masalah yang berlaku adalah disebabkan amalan kronisme dan nepotisme di Malaysia.

"Amat malang sekali apabila rakyat Malaysia yang mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi pesat, turut menyahut tuduhan penyangak asing ini.

"Lebih daripada itu, mereka ini mendesak kerajaan supaya mengikut saja apa yang disuruh orang asing ini. Mereka ini tidak memikirkan bahawa orang asing ini mungkin salah dan kita mungkin betul.

"Walaupun kita sudah merdeka, nampak jelas pemikiran mereka ini belum lagi bebas," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, tuduhan orang asing bahawa Kerajaan Malaysia mengamalkan kronisme dan nepotisme adalah kerana projek penswastaan yang dijalankan di negara ini tidak menjual segala-gala yang dimiliki kerajaan.

Menurutnya, di kebanyakan negara membangun, penswastaan bermakna menjual kepada orang asing untuk mendapatkan dolar Amerika bagi membayar hutang kerana rakyat sendiri tidak mempunyai modal dan kepakaran.

"Di Malaysia, penswastaan bermakna menjual kepada rakyat Malaysia yang mampu dan layak untuk mengambil alih. Orang asing boleh membeli peratusan yang kecil saja dan tidak semuanya.

"Ini mengecewakan mereka yang melihat keuntungan besar boleh didapati jika mereka dapat memiliki semua yang diswastakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana rakyat tempatan yang mendapat peluang daripada penswastaan, maka tuduhan dibuat bahawa mereka adalah kroni dan keluarga kepada pemimpin kerajaan.

Menurutnya, walaupun pihak yang memperolehi projek itu dipilih melalui tender dan tidak ada apa-apa hubungan dengan kerajaan, mereka masih dituduh sebagai kroni dan keluarga mereka.

"Hanya jika semua yang diswasta diambil alih oleh orang asing, barulah tuduhan kronisme dan nepotisme akan digugurkan," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, pendekatan yang digunakan dalam urusan penswastaan di sini adalah diasaskan kepada kedudukan ekonomi dan sosial antara kaum di Malaysia iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) - satu-satunya

pelan kejuruteraan sosioekonomi yang penting bagi negara ini.

"Rakyat Malaysia tidak perlu memohon maaf kepada orang asing kerana dasar kita, sebaliknya kita harus bangga dengan pencapaian kita. Sikap suka dipuji oleh Barat harus dikikis jika kita bermaruah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kegagalan orang asing untuk memiliki bank dan perniagaan besar melalui penswastan di negara ini, adalah antara punca menyebabkan mereka menyerang mata wang dan pasaran saham tempatan dalam usaha menjadikan syarikat dan bank di negara ini lemah serta bankrap.

"Dakwaan bahawa mereka ingin mendisiplinkan kerajaan kita, menghapuskan kronisme, nepotisme dan sebagainya adalah cerita dongeng," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat awal Malaysia dituduh tidak faham sistem kewangan antarabangsa dan tidak faham tabiat berkumpulan serta menolak cadangan negara ini supaya dagangan mata wang dikawal.

"Tetapi hari ini ramai yang mengaku bahawa spekulasi oleh pedagang mata wang tanpa kawalan adalah yang menyebabkan kemerosotan ekonomi dunia.

"Ramai daripada mereka mengakui bahawa tindakan kita adalah bijak dan menolong memulihkan ekonomi kita," tegasnya.

(END)